

**Najib Adakan Lawatan Kerja Dua Hari ke Jepun**  
**Bernama**  
**Mei 20, 2014**

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengadakan lawatan kerja dua hari ke Tokyo, Jepun mulai esok untuk menghadiri Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-20 'Future of Asia'.

Beliau dijadual menyampaikan ucap-tama di persidangan bertemakan 'Rising Asia-Messages for the Next 20 Years' itu pada Khamis (22 Mei).

"Ini merupakan penampilan kedua perdana menteri selaku penceramah utama di persidangan itu, kali pertama pada 2011," menurut kenyataan Kementerian Luar hari ini.

Ia berkata Najib turut dijadual mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Jepun, Shinzo Abe.

"Perbincangan antara kedua-dua perdana menteri itu akan mengukuhkan lagi komitmen kedua-dua negara ke arah kerjasama lebih menyeluruh terutama dalam ruang lingkup ekonomi dan pelaburan," kata kementerian itu.

Kenyataan itu menjelaskan kedua-dua pihak berkongsi pandangan bahawa hubungan dua hala perlu dipupuk, digalak dan dijadikan lebih relevan sejajar dengan persekitaran tempatan dan antarabangsa.

Najib akan diiringi isterinya Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Seri Abdul Wahid Omar serta pegawai kanan Kementerian Luar, dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Menurut kenyataan itu, hubungan ekonomi Malaysia-Jepun kekal sebagai teras utama dalam kerjasama dua hala kedua-dua negara.

Jepun merupakan rakan dagang global ketiga terbesar dan destinasi eksport ketiga terbesar Malaysia dengan nilai US\$25.31 bilion (RM79.75 bilion) pada 2013, selepas China dan Singapura.

Jumlah perdagangan dua hala yang direkodkan tahun lepas ialah US\$43.2 bilion (RM136.11 bilion).

Jepun terus menjadi pelabur asing terbesar dalam sektor pembuatan dengan lebih 1,400 syarikatnya beroperasi di Malaysia.

Sehingga Disember 2013, 2,510 projek perkilangan telah dilaksanakan dengan nilai pelaburan US\$22.7 bilion (RM73.24 bilion).

Mengulas lanjut, kenyataan itu berkata pada Persidangan Nikkei itu, Najib akan membincangkan tentang Model Ekonomi Baharu Malaysia dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang sedang

dilaksanakan kerajaan Malaysia.

Pelaksanaan inisiatif berkenaan dibuat bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi, pembangunan dan pelaburan sejajar dengan hasrat Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020.

"Perdana menteri juga akan menegaskan bahawa abad ke-21 adalah milik Asia dengan rantau itu menggalas peranan utama dalam memacu ekonomi dunia," tambah kenyataan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1039856>